

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KETWO, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEDUA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 12 Julai 2010

SOALAN

YB Tuan Gobind Singh Deo (DAP) (Puchong), minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan apakah tindakan Kerajaan untuk mengatasi masalah sindiket peminta sedekah yang melibatkan kanak-kanak serta keberkesanannya.

JAWAPAN

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) melaksanakan pelbagai tindakan untuk mengatasi masalah sindiket peminta sedekah yang melibatkan kanak-kanak. Antara tindakan yang dilaksanakan JKM termasuklah: i) Mewujudkan Jawatankuasa Penyelarasan Membanteras Pengemis yang berperanan untuk menyelaras operasi dan membincangkan pelbagai isu berkaitan aktiviti pengemisan dengan lebih teratur dan berkesan. Jawatankuasa ini terdiri dari agensi penguatkuasa seperti Jabatan Imigresen, Polis DiRaja Malaysia (PDRM), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Jabatan Kesihatan dan sebagainya; dan ii) Mengadakan operasi menyelamat pengemis secara berkala dan operasi secara, dengan izin, adhoc berdasarkan peruntukan di bawah Akta Orang Papa 1977 (Akta 183). Operasi berkala dilakukan secara berjadual dan bersepadu dengan kerjasama Agensi-agensi Penguatkuasa seperti Jabatan Imigresen, Polis Di Raja Malaysia, Pihak Berkuasa Tempatan, Agensi Anti Dadah Kebangsaan dan Jabatan Pendaftaran Negara. Operasi secara, dengan izin, adhoc pula dilakukan apabila terdapat aduan awam seperti melalui talian Nur (15999) atau pun melalui pemantauan berterusan yang dilakukan oleh kakitangan Jabatan Kebajikan Masyarakat di lokasi-lokasi yang disyaki atau dikenal pasti menjadi tumpuan pengemis seperti di pasar-pasar malam, stesyen-stesyen bas dan tempat-tempat yang menjadi tumpuan atau kunjungan orang ramai. Dari segi perundangan, Kementerian sedang menyemak dan mengkaji semula Akta Orang Papa 1977 (Akta 183) bagi memastikan peruntukan yang terkandung dalam Akta tersebut lebih komprehensif terutama dalam mengatasi isu-isu berkaitan pengemisan termasuklah yang melibatkan kanak-kanak dalam sindiket. Bagi mempastikan sindiket pengemisan yang melibatkan kanak-kanak dapat dibendung, Kementerian melalui JKM menggunakan peruntukan di bawah Seksyen 32, Akta Kanak-kanak 2001. Peruntukan tersebut memperuntukkan bahawa adalah menjadi satu kesalahan membenarkan kanak-kanak meminta sedekah dan sekiranya disabitkan dengan kesalahan boleh didenda tidak melebihi Ringgit Malaysia: Lima Ribu (RM5,000) atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi 2 tahun atau kedua-duanya. Jawapan Disediakan Oleh:- 1) Nama : Norasnida bt. Nordin 2) Jawatan : Penolong Pengarah 3) Bahagian : Bahagian Warga Tua dan Keluarga, 4) No. Tel : 03-26165644 Jawapan Disemak Oleh Jabatan:- 1) Nama : Sharudin bin Shar Kashim 2) Jawatan : Pengarah Perancangan dan Pembangunan Jawapan Diluluskan Oleh Jabatan:- 1) Nama : Halijah bt Yahaya 2) Jawatan : Timbalan Ketua pengarah (Operasi) Jabatan Kebajikan Masyarakat Jawapan Disemak Oleh Kementerian 1) Nama : Dato' Saripuddin Kasim 2) Jawatan : Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan) Jawapan Diluluskan Oleh :- 1) Nama : Y.Bhg. Datuk Nor Hayati Sulaiman 2) Jawatan : Ketua Setiausaha

